

Fauzi letak jawatan wakil rakyat Beserah

UM 30 MAR 2004

KUANTAN 29 Mac — Ketua UMNO bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman malam ini mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pahang kawasan Beserah.

Fauzi berkata, surat peletakan jawatannya itu akan diserahkan kepada Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob di sini esok.

Katanya, keputusan itu diambil kerana **merasakan** dirinya tidak lagi diperlukan oleh UMNO bahagian berkenaan berikutan trend pencalonan cawangan yang tidak memihak kepadanya.

Beliau berkata, tindakan itu juga diambil kerana tidak berpuas hati dengan perbuatan menyogok, memberi hamper dan sebagainya yang berlaku semasa pemilihan peringkat cawangan sekarang.

“Keputusan saya meletakkan jawatan ini adalah muktamad,” katanya selepas mengadakan pertemuan lebih sejam dengan Menteri Besar Pahang di kediaman rasmi di Jalan Teluk Sisek di sini malam ini.

Menurut Fauzi, walaupun meletakkan jawatan sebagai wakil rakyat, beliau tetap menjadi ahli UMNO.

Adnan ketika mengulas isu berkenaan berkata, beliau akan berunding dengan Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ditanya sama ada Fauzi akan dipujuk supaya menarik balik peletakan jawatannya, beliau berkata, soal pujuk-memujuk tidak timbul dalam parti kerana semuanya terpujang kepada kebijaksanaan masing-masing.

Katanya, setahu beliau, Fauzi sememangnya telah menjalankan tugas dengan cemerlang selaku wakil rakyat kawasan Beserah.

Dalam pada itu ketika ditanya mengenai laporan polis terhadap Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob, Fauzi berkata, ia adalah laporan mengenai penyelewengan kewangan.

“Semuanya yang diselewengkan itu adalah hak rakyat dan kerajaan negeri, ini adalah hasil kerajaan negeri,” tegasnya.

Fauzi membuat laporan polis terhadap Khalil di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan pada pukul 3 petang semalam.

Beliau mendakwa Menteri Penerangan itu menyelewengkan sumber kewangan negeri antara RM300 juta hingga RM900 juta setahun semasa menjadi Menteri Besar Pahang.

Katanya sebagai wakil rakyat DUN-Beserah, beliau berasa amat terkilan kerana rakyat negeri ini kehilangan sumber peruntukan antara RM300 juta hingga RM900 juta itu.

Beliau mendakwa, Khalil patut menjawab bagaimana kuota konsesi pembalakan boleh diluluskan oleh kerajaan Pahang bagi 2000, 2001, 2002, 2003 dan 2004 telah habis digunakan.

Sementara itu, Ketua Polis Pahang, Datuk Mohd. Noor Hamat mengesahkan bahawa polis telah menerima laporan Fauzi berhubung penyelewengan Khalil itu tetapi enggan mengulas lanjut.

Sementara itu, Khalil enggan mengulas laporan polis yang dibuat ke atasnya mendakwa beliau terbabit dalam penyelewengan sumber balak neyri semasa menjadi Menteri Besar Pahang.

“Saya tidak ada komen mengenainya,” kata beliau ketika dihubungi malam ini di kediamannya di Kuala Lumpur.